

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG  
(SIBUTI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24.10.2016**

**Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perkembangan Skim Pinjaman Tanpa Faedah sebanyak RM70 juta yang diselaraskan oleh BSN bagi penduduk rumah panjang seperti dijanjikan dalam bajet 2016 dan adakah pihak BSN mempromosikan Skim Pinjaman tersebut di Sarawak setakat ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju dengan permohonan daripada Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah supaya peruntukan bagi pelaksanaan rumah panjang di kedua-

dua negeri tersebut disalurkan dalam bentuk pemberian kepada kerajaan negeri masing-masing dan bukannya melalui pinjaman oleh BSN sebagaimana diumumkan dalam Ucapan Bajet 2016.

Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah juga telah bersetuju supaya peruntukan sebanyak RM70 juta tersebut disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dengan pecahan sebanyak RM50 juta kepada Negeri Sarawak dan RM20 juta kepada Negeri Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM40 juta kepada Negeri Sarawak. Baki akan disalurkan berdasarkan prestasi perbelanjaan sebenar skim ini kelak.